



MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT

PK(O).MPLBP.KEJ.02

	DISEDIAKAN OLEH :	DILULUSKAN OLEH :
TANDATANGAN		
JAWATAN	JURUTERA	WAKIL PENGURUSAN
TARIKH	1 APRIL 2018	1 APRIL 2018

	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT	NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
		NO. KELUARAN	04
		NO. PINDAAN	00
		TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
		MUKA SURAT	1/19

1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan menyediakan garis panduan bagi memastikan proses permohonan kelulusan Pelan Jalan dan Parit dilaksanakan dengan terancang, cekap dan sistematik.

2.0 SKOP

Prosedur ini digunapakai oleh warga kerja Jabatan Kejuruteraan MPLBP semasa mengendalikan proses permohonan kelulusan pelan jalan dan parit dikeluarkan.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Manual Kualiti MS ISO 9001:2015
- 3.2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- 3.3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- 3.4 Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2016
- 3.5 OSC 3.0 (Manual Agensi)

	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT	NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
		NO. KELUARAN	04
		NO. PINDAAN	00
		TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
		MUKA SURAT	2/19

4.0 DEFINISI

4.1 PEMOHON

Jurutera Perunding yang didaftarkan sebagai Jurutera Profesional di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 yang dilantik oleh tuan tanah / pemaju.

4.2 JABATAN TEKNIKAL

Jabatan-jabatan yang memberi ulasan-ulasan untuk sesuatu perancangan mengikut kesesuaian projek masing-masing (terlibat dalam pemberian sokongan untuk kelulusan pelan jalan dan parit).

4.3 JALAN DAN PARIT

Jalan termasuklah sesuatu jalan, medan, siarkaki atau jalan lalu, jalan susur, samada jalan tembus atau tidak di atas mana orang ramai berhak lalu dan juga jalan di atas sesuatu jambatan dan juga termasuklah sesuatu jalan siarkaki atau jalan lalu, halaman terbuka atau jalan kecil terbuka yang digunakan atau dicadang untuk digunakan sebagai suatu jalan masuk kepada dua buah pegangan atau lebih, samada orang ramai berhak lalu di atasnya atau tidak; dan semua saluran parit, longkang dan tanah rizab disisi mana-mana jalan hendaklah disifatkan sebagai sebahagian jalan itu.

(Seksyen 3, Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133))

	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT	NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
		NO. KELUARAN	04
		NO. PINDAAN	00
		TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
		MUKA SURAT	3/19

5.0 SINGKATAN

MPLBP	-	Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
YDP	-	Yang DiPertua
KJ	-	Ketua Jabatan
KB	-	Ketua Bahagian
PJT	-	Penolong Jurutera
PA	-	Pembantu Am
OSC	-	Unit Pusat Setempat

	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT	NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
		NO. KELUARAN	04
		NO. PINDAAN	00
		TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
		MUKA SURAT	4 / 19

6.0 PROSES KERJA

TANGGUNGJAWAB	NO.	TINDAKAN
	A	PENERIMAAN PEMOHONAN
PA	1	Terima permohonan lengkap daripada Unit Pusat Setempat (OSC).
	2	Cop terima permohonan.
	3	Serah permohonan kepada KJ untuk semakan dan pengesahan.
	4	Daftar permohonan di dalam Buku Daftar Fail (MPLBP / KEJ) Daftar Permohonan.
KJ	5	Memberi pengesahan permohonan untuk di daftar.
PA	6	Buka fail permohonan pelan jalan dan parit.
	B	LAWATAN DAN PENYEDIAAN LAPORAN
KJ	7	Memberi arahan untuk lawatan dan penyediaan laporan tapak
KB/PJT	8	Membuat lawatan tapak dan menyediakan Laporan Tapak Pelan Kerja Tanah, berdasarkan keperluan teknikal kerja tanah dengan mengambikira ulasan daripada jabatan-jabatan berikut: a) Jabatan Kerja Raya (JKR) b) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Rujuk: PK(O).MPLBP.KEJ.02(L1)
J1	9	Semak Laporan Tapak Pelan Jalan dan Parit untuk penyediaan Kertas Perakuan.
KJ	10	Pengesahan laporan tapak dan ulasan pada kertas kerja.



**PERMOHONAN KELULUSAN
PELAN JALAN DAN PARIT**

NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
NO. KELUARAN	04
NO. PINDAAN	00
TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
MUKA SURAT	5 / 19

TANGGUNGJAWAB	NO.	TINDAKAN
	C	PENYEDIAAN KERTAS PERAKUAN
KB/PJT	11	Menyediakan kertas perakuan permohonan pelan jalan dan parit. Rujuk: PK(O).MPLBP.KEJ.02(L2)
	12	Serahkan kertas perakuan kepada OSC untuk dimasukkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.
	D	MESYUARAT JAWATANKUASA OSC
KJ	13	Bentang kertas perakuan permohonan kelulusan pelan jalan dan parit dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk mendapatkan keputusan.
KB/PJT	14	Sekiranya permohonan LULUS BERSYARAT , i. Semua ulasan teknikal dan kelulusan rasmi kebenaran merancang perlu diterima secara bertulis sebelum kelulusan dikeluarkan ; ii. Memo akan dikeluarkan kepada Unit OSC sekiranya ulasan belum diperolehi daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).
KJ/KB/PJT	15	Sekiranya permohonan DITOLAK atau DITANGGUH , i. Unit OSC akan mengeluarkan surat pemakluman kepada pemohon dan sebab-sebab akan dinyatakan bersama.



**PERMOHONAN KELULUSAN
PELAN JALAN DAN PARIT**

NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
NO. KELUARAN	04
NO. PINDAAN	00
TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
MUKA SURAT	6 / 19

TANGGUNGJAWAB	NO.	TINDAKAN
	E	SURAT KELULUSAN
KJ/KB/PJT	16	Sediakan surat kelulusan dan pelan-pelan yang perlu di tandatangani oleh YDP beserta syarat-syarat yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Rujuk: PK(O).MPLBP.KEJ.02(L3)
KB/PJT	17	Rekodkan permohonan yang telah diluluskan ke dalam Buku Daftar Kelulusan Pelan Jalan & Parit dan Pelan Kerja Tanah
	18	Simpan surat kelulusan dan pelan jalan dan parit ke dalam fail individu.
	19	Serahkan sesalinan surat kelulusan kepada unit OSC.
	20	Kemaskini fail.

	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT	NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
		NO. KELUARAN	04
		NO. PINDAAN	00
		TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
		MUKA SURAT	7 / 19

7.0 REKOD KUALITI

BIL	REKOD	LOKASI / TANGGUNGJAWAB	TEMPOH SIMPANAN
7.1	Buku Daftar Fail (MPLBP/KEJ) Daftar Permohonan	KEJ / PM	7 Tahun
7.2	Buku Daftar Kelulusan Pelan Jalan & Parit dan Pelan Kerja Tanah	KEJ / KB/PJT	7 Tahun
7.3	Rekod di atas Kertas Minit	KEJ / KB/PJT	7 Tahun
7.4	Pelan Jalan dan Parit yang diluluskan	KEJ / KB/PJT	7 Tahun
7.5	Surat Kelulusan	KEJ / KB/PJT	7 Tahun

8.0 LAMPIRAN

BIL	LAMPIRAN	PERKARA
8.1	PK(O).MPLBP.KEJ.02(L1)	Laporan Tapak Pelan Jalan dan Parit
8.2	PK(O).MPLBP.KEJ.02(L2)	Kertas Perakuan Permohonan Pelan Jalan dan Parit
8.3	PK(O).MPLBP.KEJ.02(L3)	Surat Kelulusan Pelan Jalan dan Parit

	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT	NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
		NO. KELUARAN	04
		NO. PINDAAN	00
		TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
		MUKA SURAT	8 / 19

Laporan Tapak Pelan Jalan dan Parit

PK(O).MPLBP.KEJ.02(L1)

Pin.00/18
LAPORAN TAPAK PELAN JALAN DAN PARIT PK(O).MPLBP.KEJ.02(L1)

PERKARA :

ARAHAN :

PEGAWAI TERLIBAT :

SKOP KERJA :

TARIKH :

MUKIM :

KELUASAN PEMAJUAN :

LOKASI :

Disediakan oleh :

.....

Disemak/ Disahkan oleh :

.....

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan





**PERMOHONAN KELULUSAN
PELAN JALAN DAN PARIT**

NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
NO. KELUARAN	04
NO. PINDAAN	00
TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
MUKA SURAT	9 / 19

Kertas Perakuan Permohonan Pelan Jalan dan Parit

PK(O).MPLBP.KEJ.02(L2)

Mesyuarat Jawatankuasa OSC,
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas Perakuan
Kelulusan Pelan Jalan & Parit



SULIT

**MESYUARAT JAWATANKUASA
PUSAT SETEMPAT (OSC) KALI KE 02/2018
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
PADA :**

AGENDA :

1.0 PERKARA

PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN : FASA 1 : 6 UNIT BANGUNAN INDUSTRI (TAMBAHAN KEPADA BANGUNAN INDUSTRI SEDIADA) ; FASA 2 : 2 UNIT INDUSTRI BERKEMBAR 1 TINGKAT DI ATAS LOT 4782, 4788, 4790-4793, 4795, 4796, 4798 & 4799 (LOT ASAL 1342, 1348, 1350-1353, 1355, 1356, 1358 & 1359), TAMAN IKS TOK RENDONG, MUKIM KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN untuk TETUAN LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)

- Pertimbangan Kelulusan Pelan Jalan dan Parit

2.0 ARKITEK / PELUKIS PELAN / JURUTERA PERUDING

TETUAN PERUNDING THD SDN. BHD.
33B TINGKAT 1, JALAN BAKAR ARANG
08000, SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN.

3.0 PEMILIK BANGUNAN / PEMAJU

TETUAN LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)
BANGUNAN TUNKU NEGERI KEDAH
JALAN TUNKU IBRAHIM
PETI SURAT 195
05720 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

4.0 NO. FAIL

MPLBP/KEJ/26/16

5.0 NO. PELAN

PTHD/1627/KEDA/RD/1



PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT

NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
NO. KELUARAN	04
NO. PINDAAN	00
TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
MUKA SURAT	10 / 19

Mesyuarat Jawatankuasa QSC,
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas Berakuan
Kelulusan Pelan Jalan & Parit



SULIT

6.0 KETERANGAN MENGENAI TANAH

- 6.1 NO. LOT : Lot 4782, 4788, 4790-4793, 4795, 4796, 4798 & 4799 (Lot Asal 1342, 1348, 1350-1353, 1355, 1356, 1358 & 1359)
- 6.2 LUAS TANAH : 4.638 Ekar @ 1.877 Hektar
- 6.3 TARIKH TERIMA PERMOHONAN : 08 Januari 2018

7.0 TUJUAN KERTAS KERJA

Pertimbangan kelulusan Pelan Jalan dan Parit untuk Tetuan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)

8.0 LOKASI

8.1 LOKASI

Lokasi pemajuan terletak di dalam kawasan Taman Wang IKS Tok Rendong dan berhadapan dengan Perumahan Keda Desa Wang Tok Rendong.





PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT

NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
NO. KELUARAN	04
NO. PINDAAN	00
TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
MUKA SURAT	11 / 19

Mesyuarat Jawatankuasa OSC,
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas Berakupan
Kelulusan Pelan Jalan & Parit



SULIT

8.2 KEADAAN SEMASA

Berdasarkan lawatan tapak yang dijalankan pembinaan di tapak telahpun siap dibina.

9.0 KELULUSAN YANG TELAH DIPEROLEHI

9.1 Permohonan ini telahpun memperolehi beberapa kelulusan rasmi dari Majlis . Kelulusan yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

9.1.1 Kelulusan Kebenaran Merancang pada 11 Jun 2017 dengan no rujukan Bil(29)MPLBP/04/P/KM/26/2016 ;

9.1.2 Kelulusan Pelan Bangunan pada 28 November 2017 dengan no rujukan Bil(10)d/m.MPLBP/D/3/11/17;

10.0 ULASAN JABATAN TEKNIKAL

JABATAN	SOKONG/ SOKONG DENGAN SYARAT	TIDAK MENYOKONG	TIDAK LENGKAP	ULASAN BELUM DIPEROLEHI
JKR				/
JPS				/

11.0 ULASAN JABATAN KEJURUTERAAN

11.1 Panduan Arah Teknik Jalan hendaklah dipatuhi iaitu Geometric Design (8/86), Rekabentuk Struktur Jalan (5/85), Road Kerbs (8/86) dan Garisan Jalan (2D/85) dan Standard Traffic Sign (2B/85) ;

11.2 Kerja-kerja turapan hendaklah dibuat dalam keadaan cuaca kering dan permukaan road base hendaklah kering serta bersih dari sebarang kotoran ;

11.3 Final discharge point bersama rekabentuk detail perlu disertakan dalam Pelan Jalan & Parit ;



PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT

NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
NO. KELUARAN	04
NO. PINDAAN	00
TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
MUKA SURAT	12 / 19

Mesyuarat Jawatankuasa OSC,
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas Perakuan

Kelulusan Pelan Jalan & Parit



SULIT

- 11.4 Di setiap penghujung parit hendaklah dipasangkan dengan perangkap sampah bagi mengelakkan sampah memasuki sistem perparitan utama dan rekabentuk perlu disediakan dan dikemukakan untuk kelulusan pihak Majlis ;
- 11.5 Di setiap cadangan 'sump' perlu dipasangkan dengan M.S Grating yang diperbuat daripada FRP material dan diangsel pada bahagian tepinya ;
- 11.6 Pemohon perlu memastikan langkang bersih dari segala lumpur-lumpur, pasir atau semak samun sebelum pemeriksaan dibuat oleh pihak Majlis supaya surat sokongan dapat dikeluarkan ;
- 11.7 Laluan infrastruktur untuk Orang Kurang Upaya (OKU) perlu disediakan ;
- 11.8 Pemohon perlu menerapkan konsep Kejiranan Hijau dari segi penyediaan laluan pejalan kaki yang mesra OKU termasuk penggunaan lampu LED dan pembinaan SPAH (Rain Water Harvesting) ;
- 11.9 Jika pembinaan SPAH (Rain Water Harvesting) dilaksanakan dalam kawasan pemajuan, pemohon perlu mematuhi garis panduan serta spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ;
- 11.10 Pemohon hendaklah memastikan kerja-kerja dijalankan tiada sebarang sekatan kepada aliran sedimena dan peruloh di selenggara serta dibaiki selalu bagi membenarkan aliran air yang baik dan sempurna ;
- 11.11 Sebarang pencemaran sungai yang berlaku disebabkan oleh pemajuan adalah menjadi tanggungjawab pemohon dengan ditanggung kos sendiri ;
- 11.12 Semasa pembinaan dijalankan, haruslah sentiasa mengamalkan 'good house keeping' dan penyediaan keperluan keselamatan di kawasan pemajuan ;
- 11.13 Status kemajuan kerja perlu dilaporkan melalui laporan melalui Borang G17 ;
- 11.14 Pemohon perlu mengemukakan detail pelan utiliti kepada jabatan ini untuk tujuan rujukan dan rekod ;
- 11.15 Pemohon perlu mengemukakan softcopy Pelan Jalan dan Parit supaya data dapat dimasukkan ke dalam pelan induk infra ;
- 11.16 Pemohon perlu membayar Sumbangan Pamaritan Am sebanyak **RM 9,276.00** sebelum kelulusan Pelan Jalan & Parit diluluskan ;



PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT

NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
NO. KELUARAN	04
NO. PINDAAN	00
TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
MUKA SURAT	13 / 19

Mesyuarat Jawatankuasa QSC,
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Surat Perakuan:

Kelulusan Pelan Jalan & Parit



SULIT

Keluasan kawasan pemajuan = 4.638 ekar .

Pemajuan pemohon adalah bukan kediaman (4 tingkat dan kurang).
Sehubungan itu, pemohon perlu membayar sebanyak RM 2 000.00/ekar
tanah yang hendak dimajukan dengan bayaran minima RM 5 000.00 .

12.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN.

12.1 Pada dasarnya, Jabatan Kejuruteraan memperakukan
permohonan Pelan Jalan dan Parit ini mengikut Akta Jalan, Parit
dan Bangunan 1974 (Akta 133) Seksyen 70 dengan syarat-syarat
berikut ;

12.1.1 Mematuhi syarat-syarat Jabatan Pengairan dan Saliran
Serta dan Jabatan Kerja Raya serta syarat-syarat
kelulusan Kebenaran Merancang.

12.2 Pohon pertimbangan jawatankuasa selanjutnya.



**PERMOHONAN KELULUSAN
PELAN JALAN DAN PARIT**

NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
NO. KELUARAN	04
NO. PINDAAN	00
TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
MUKA SURAT	14 / 19

Surat Kelulusan Pelan Jalan dan Parit

PK(O).MPLBP.KEJ.02(L3)



SALINAN PEJABAT
مجلس وريتلان لشكافي بندري ق الجومعة
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN

KUAH, 07000 LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN

Tel: 04-9666 590, 04-966 6185, 04-967 1824, 04-967 1524 Fax: 04-967 1773, 04-966 6158
<http://www.mplbp.gov.my> email: ydp@mplbp.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT NO.: MY-AR 4723

"KEDAH AMAN MAKMUR • BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI"

Ruj. Tuan: Bil () MPLBP/
Ruj. Kami: K/JP/4/2014
Tarikh: 19 JUN 2014

Hajara Consultant Sdn. Bhd.
No. 149, Tingkat 2, Kompleks Alor Setar
Lebuhraya Darul Aman
05100 Alor Setar
Kedah Darul Aman.

Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT BAGI CADANGAN MEMBINA
19 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DI ATAS LOT PT 297, (HSM. 772), BANDAR
PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.
UNTUK : TETUAN LOW POO IENG.
- Kelulusan Pelan Jalan dan Parit**

Merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jawatankuasa bersejaja memberi kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Setempat (OSC) kali ke 09/2014 pada 05 Jun 2014 tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :-

- 2.1 Kerja jalan dan parit yang dibenarkan mestilah mengikut pelan yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan sahaja mengikut rujukan pelan : HHCSB/2014/(LG)LOT. PT 279/R&D. LO - 01, HCSB/2014/(LG)LOT. PT 279/R&D. D - 02.
- 2.2 Rekabentuk kepada pembangunan yang dipohon hendaklah mematuhi kehendak-kehendak dan tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 serta Jurutera Perunding yang dilantik hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dengan rekabentuk yang dimaksudkan.

...2/



PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT

NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
NO. KELUARAN	04
NO. PINDAAN	00
TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
MUKA SURAT	15 / 19

- 2 -

Bil (//) MPLBP/K/JP/4/14

- 2.3 Rekabentuk kepada persimpangan yang dicadangkan mestilah mengikut spesifikasi JKR yang terkandung dalam Arahan Teknik Jalan. Ia mestilah dilengkapi dengan sistem perparitan yang sempurna, papan tanda, garisan jalan, pembinaan lorong percepatan, perlambatan serta lorong memotong (acceleration, deceleration & overtaking lane) dan lain-lain untuk pengguna jalan raya.
- 2.4 Hanya satu persimpangan keluar masuk sahaja yang dibenarkan ke tapak pembangunan tersebut melalui jalan Persekutuan Padang Matsirat (FT 114). Persimpangan masuk sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan perlu diubah ke bahagian tengah kerana terlalu dekat dengan pintu pagar kawasan sekolah.
- 2.5 Pihak pemohon juga perlu menaiktaraf semula Longkang Tepi Jalan JKR jenis 'U' bermula daripada hadapan pintu pagar sekolah terus kepada 'Sump' sediaada selepas lampu isyarat di Pekan Padang Matsirat. Longkang yang dibina hendaklah mengambilkira pemasangan 'M.S Grating' pada mana-mana bahagian yang diperlukan.
- 2.6 Rekabentuk kepada turapan jalan mestilah mengikut spesifikasi JKR. Struktur turapan jalan yang dicadangkan hendaklah mematuhi spesifikasi seperti berikut :-
1. Sub Grade - CBR 5%
 2. Sub Tapak (Bahan hancur / Bahan dasar) - 50%
 3. Tapak - 300mm
 4. Permukaan Premix (Binder Course) - 60mm
 5. Permukaan Premix (Wearing Course) - 40mm
- 2.7 Kecerunan jalan masuk ke Jalan Persekutuan hendaklah tidak melebihi 2% untuk sepanjang 50 meter dari tepi jalan sediaada. Perangkap air hendaklah dibina sekiranya jalan masuk lebih tinggi dari jalan Persekutuan atau lain-lain binaan yang boleh memerangkap laluan air permukaan jalan dari terus kepada Jalan Persekutuan.
- 2.8 Sebarang kerja-kerja pengorekan di Jalan Persekutuan melibatkan kerja-kerja pemasangan kabel, paip air ataupun apa-apa yang melibatkan Sistem Perkhidmatan Kemudahan Awam perlu mendapat keizinan dan kelulusan jabatan ini terlebih dahulu sebelum kerja-kerja tersebut dijalankan.

...3/



PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT

NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
NO. KELUARAN	04
NO. PINDAAN	00
TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
MUKA SURAT	16 / 19

- 3 -

Bil (/) MPLBP/K/JP/4/14

- 2.9 Pihak pemohon juga diminta untuk menurap semula permukaan jalan sediaada sepanjang laluan AC & DC yang telahpun dibina termasuk mengadakan semula garisan jalan serta apa-apa keperluan yang berkaitan di jalan tersebut.
- 2.10 Kelulusan ini berkuatkuasa selama 24 (dua puluh empat) bulan dari tarikh kelulusan ini dikeluarkan. Sekiranya pemaju gagal memulakan kerja dalam tempoh tersebut, permohonan baru hendaklah dibuat.
- 2.11 Pemohon dikehendaki mengawal kuantiti dan kualiti air larian dari tapak permohonan berkonsepkan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) sebelum dialirkan ke titik buangan akhir.
- 2.12 Pemohon perlu mengemukakan pelan rekabentuk terperinci On-Site Detention untuk semakan jabatan ini.
- 2.13 Jurutera Perunding adalah dipertanggungjawabkan untuk memastikan semua air larian dari lot pembangunan dialirkan ke On - Site Detention terlebih dahulu sebelum dialirkan ke parit buang / sungai yang berhampiran.
- 2.14 Pemohon / Jurutera Perunding hendaklah bertanggungjawab ke atas cadangan parit keluar dari tapak pembangunan hingga ke titik buangan akhir.
- 2.15 Pemohon hendaklah memastikan parit buang dapat mengalir dengan lancar hingga ke titik buangan akhir.
- 2.16 Pemohon adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan apa jua masalah yang berbangkit akibat dari perlaksanaan projek ini.
- 2.17 Pemohon hendaklah memastikan pembinaan ditapak di laksana sebagaimana di dalam pelan yang dikemukakan.
- 2.18 Tidak dibenar melencong, mengubah, menutup laluan air / parit sediaada (jika berkenaan) tanpa kelulusan pihak berkaitan.
- 2.19 Jurutera Perunding hendaklah bertanggungjawab diatas perakuan yang diberi di dalam senarai semak "Annex B".

...4/



PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT

NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
NO. KELUARAN	04
NO. PINDAAN	00
TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
MUKA SURAT	17 / 19

- 4 -

Bil (/) MPLBP/K/JP/4/14

- 2.20 Semua jejari pusingan (turning radius) untuk liku-liku jalan hendaklah tidak kurang daripada 35 kaki dan ianya hendaklah ditarkan hingga ke parit.
- 2.21 Semua permukaan jalan hendaklah dilapiskan dengan 2 inci tebal pasir sebagai 'sub-base' dan diikuti dengan 12 inci tebal batu 'crusher run' dibuat dalam 3 lapisan di mana 4 inci untuk setiap lapisan. Tiap-tiap lapisan hendaklah dibubuh habuk batu dan dipadatkan dengan roller 8 tan.
- 2.22 Lapisan 'premix binder course' 2.5 inci tebal di bawah diikuti dengan lapisan 'wearing course' 1.5 inci tebal.
- 2.23 Lebar minima bagi jalan bertar adalah seperti berikut :-
 - a) Simpanan jalan 40 kaki = = = = 22 kaki
 - b) Simpanan jalan 66 kaki = = = = 24 kaki
- 2.24 Untuk jalan perdagangan keseluruhan permukaanya hendaklah ditar.
- 2.25 Kecerunan untuk keratin jalan hendaklah tidak kurang daripada 1:40
- 2.26 Rekabentuk jalan keluar masuk hendaklah mengikut piawaian Jabatan Kerja Raya iaitu lorong-lorong percepatan, perlambatan dan lorong memotong perlu di sediakan.
- 2.27 Bahu jalan hendaklah ditanam dengan rumput rapat bagi memastikan tidak berlaku hakisan tanah sekeliling.
- 2.28 Pembinaan 'kerb' jalan adalah perlu di jalan masuk ke tapak cadangan bagi mengelakkan hakisan bahu jalan memandangkan kecerunan maksima bahu jalan adalah 1:40.
- 2.29 Semua 'kerb' hendaklah dari jenis tuang dulu (precast) dengan campuran konkrit 1:2:40 dan tidak melebihi 3 kaki panjang.
- 2.30 Batu susur 'kerb' hendaklah diletakkan di atas tapak konkrit 4 inci tebal dengan campuran 1:3:6. Sambungan hendaklah menggunakan 1:3 simen mortar.
- 2.31 Paras tinggi 'kerb' hendaklah sekurang-kurangnya 6 inci diukur dari permukaan jalan yang telah siap.

...5/



PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT

NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
NO. KELUARAN	04
NO. PINDAAN	00
TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
MUKA SURAT	18 / 19

- 5 -

Bil (//)MPLBP/K/JP/4/14

- 2.32 Penyusunan yang sesuai hendaklah dibuat untuk pengaliran air keluar dari jalan melalui 'kerb'.
- 2.33 Semua papan tanda dan tanda jalan hendaklah mengikut piawaian JKR sebagaimana lazimnya diamalkan.
- 2.34 Semua tebal parit konkrit hendaklah sekurang-kurangnya 2.5 inci dan dikuatkan dengan tetulang besi.
- 2.35 Lapisan hadkor setebal 6 inci diikuti dengan 'cement screed' 2 inci hendaklah diletakkan di bawah parit sebagai asas.
- 2.36 Kecerunan minima bagi parit-parit konkrit hendaklah :-
 - a) 12 inci x 12 inci = = = 1:200
 - b) 15 inci x 15 inci = = = 1:280
 - c) 18 inci x 18 inci = = = 1:350
 - d) 24 inci x 24 inci = = = 1:450
- 2.37 Adakan dinding kepada parit setebal 9 inci dan diplaster pada bahagian dalam bagi menahan daripada hakisan tanah sekeliling.
- 2.38 Disetiap penghujung parit hendaklah dipasangkan dengan perangkap sampah bagi mengelakkan sampah memasuki parit utama dan rekabentuk perlu disediakan dan dikemukakan untuk ulasan Majlis.
- 2.39 Disetiap cadangan 'sump' perlu dipasangkan dengan M.S Grating jenis heavy duty bagi tujuan keselamatan.
- 2.40 Jalan keluar / masuk dan sistem perparitan yang melibatkan JKR dan JPS hendaklah mendapat kelulusan dari kedua-dua jabatan.
- 2.41 Pemaju hendaklah memastikan kerja-kerja dijalankan tiada sebarang sekatan kepada aliran sediada dan perlulah di selenggara serta dibaiki selalu bagi membenarkan aliran air yang baik dan sempurna.
- 2.42 Sambungan antara blok konkrit parit siap tuang disambung dengan simen mortar dengan kemas dan sempurna bagi mengelakkan kebocoran.

...6/



PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT

NO. PROSEDUR	PK(O).MPLBP.KEJ.02
NO. KELUARAN	04
NO. PINDAAN	00
TARIKH KUATKUASA	1 APRIL 2018
MUKA SURAT	19 / 19

- 6 -

Bil (/) MPLBP/K/JP/4/14

2.43 Status kemajuan kerja-kerja pembinaan jalan dan parit perlulah dikemukakan melalui borang G17 dan perakuan akan diluluskan mengikut syarat-syarat setelah permohonan pemeriksaan di pohon oleh perunding.

3. Bersama-sama ini disertakan pelan yang telah diluluskan untuk simpanan pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(**HAJI ISAHAK BIN MURAT, AMK., BCK**)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman.

s.k. i) Tetuan Low Poo leng
Lot 116, Pekan Baru
Mukim Padang Matsirat
07100 Langkawi
Kedah Darul Aman.

ii) Ketua Unit OSC
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman.

 iii) Fail Timbul
Jabatan Kejuruteraan
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman.

FA/kelulusan Pelan Jalan & Parit /ani (2018)